

### **EMPOWERMENT OF MUALAF EDUCATION MODULE: ASPIRATIONS FOR EXCELLENCE IN KNOWLEDGE DEVELOPMENT IN THE STATE OF SELANGOR**

#### **PEMERKASAAN MODUL PENDIDIKAN MUALAF: ASPIRASI KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN ILMU DI NEGERI SELANGOR**

Siti Afifah Mat Rani<sup>i</sup>, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arifi<sup>ii</sup>, Mohd Afandi Mat Rani<sup>iii</sup>, Faezy Adenan<sup>iv</sup>, Azri Bhari<sup>v</sup>, Shahirah Said<sup>vi</sup> & Siti Sarah Izham<sup>vii</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara. afifahmatrani@gmail.com
- <sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara. izzatamsyar@uitm.edu.my
- <sup>iii</sup> Profesor Madya, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara. mohdafandi@uitm.edu.my
- <sup>iv</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara. faezyadenan@uitm.edu.my
- <sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara. azribhari@gmail.com
- <sup>vi</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara. shahirahsaid@gmail.com
- <sup>vii</sup> Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara. sarahizham@uitm.gov.my

<p><b>Abstract</b></p>	<p><i>The development of knowledge and character is an important thing in developing the potential of a convert. Thus, a complete integrated development module covering physical, emotional, spiritual and physical is essential so that the converts are equipped with various knowledge and life skills. The objective of this study is to identify knowledge development modules in the Selangor Zakat Board and suggest improvements to the teaching and learning methods of converts in Selangor. This study is a qualitative study using data collection methods through library research. The library method will be used by involving reference materials from past research, journal articles, conference papers, contemporary books, journals, scientific training and so on to be used as reference. The study found that overall the initial analysis related to the existing teaching and learning modules in Baitul Salam is at a good level, but with the improvement of knowledge development modules developed will be able to further strengthen the education of converts in Selangor through more structured and systematic education modules. This module will make it easier the students understand that they can then practice the knowledge related to Islam in order to become a good Muslim. This knowledge development module is implemented in line with the objectives of knowledge education in Selangor by having a balance between IQ (Mindfulness), EQ (Emotional Intelligence) and SQ (Spiritual Intelligence) for self-excellence.</i></p> <p><b>Keywords:</b> <i>Modules, Training, Teaching, Learning, Converts.</i></p>
<p><b>Abstrak</b></p>	<p><i>Pembangunan ilmu dan karektar diri adalah perkara yang penting dalam mengembangkan potensi seseorang Mualaf. Justeru, modul pembangunan bersepadu yang lengkap merangkumi fizikal, emosi, rohani dan jasmani sangat</i></p>

*diperlukan agar para Mualaf dilengkapi dengan pelbagai ilmu dan kemahiran hidup. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti modul pembangunan ilmu di Lembaga Zakat Selangor dan mencadangkan penambahbaikan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran Mualaf di Selangor. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan. Kaedah perpustakaan pula akan digunakan dengan melibatkan bahan rujukan dari penyelidikan lepas, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, buku-buku kontemporari, jurnal, latihan ilmunan dan sebagainya untuk dijadikan sebagai rujukan. Kajian mendapati bahawa secara keseluruhan analisis awal berkaitan modul pengajaran dan pembelajaran sedia ada di Baitul Salam berada pada tahap yang baik, namun dengan penambahbaikan modul pembangunan ilmu yang dibangunkan akan dapat memperkasakan lagi pendidikan Mualaf di negeri Selangor melalui modul pendidikan yang lebih tersusun dan sistematik. Modul ini akan memudahkan para pelajar memahami seterusnya dapat mengamalkan ilmu-ilmu berkaitan agama Islam agar menjadi seorang Muslim yang baik. Modul pembangunan ilmu yang dilaksanakan ini menepati dengan objektif pendidikan ilmu Mualaf di Selangor dengan memiliki keseimbangan antara IQ (Kecerdasan fikiran), EQ (Kecerdasan Emosi dan SQ (Kecerdasan Spiritual) untuk kecemerlangan diri.*

*Kata kunci: Modul, Latihan, Pengajaran, Pembelajaran, Mualaf.*

## **PENDAHULUAN**

Mualaf merupakan golongan yang seharusnya dilindungi dan dibimbing oleh golongan yang lebih berkelayakan dan berautoriti. Agihan zakat kepada asnaf Mualaf merupakan suatu mekanisme penting bagi memotivasikan disamping mengukuhkan pegangan akidah yang baru dianuti serta menjadikan mereka rasa dihargai dan prihatin. Oleh demikian, aspek pendidikan kepada Mualaf khususnya berkaitan dengan asas fardhu ain adalah penting bagi memastikan golongan tersebut memiliki pengetahuan dan pemahaman yang jelas mengenai agama Islam.

Merujuk kepada Nurayuni Abdullah et. al. (2019), program pendidikan yang khusus kepada golongan Mualaf merupakan satu platform sokongan sosial yang amat penting untuk dimanfaatkan bagi tujuan membantu mereka meningkatkan tahap kefahaman mengenai agama Islam seterusnya berupaya mempraktikkan cara hidup Islam dalam kehidupan. Kenyataan ini disokong oleh Siti Fathimatul dan A'thiroh Masyaa'il (2015), yang mendapati bahawa hanya melalui medium pendidikan Islam secara formal, mampu meningkatkan pengetahuan agama Islam di kalangan Mualaf. Namun begitu, perancangan kurikulum program pengajian Mualaf perlu dibentuk dengan teliti bagi mendapatkan hasil pembelajaran yang optimum.

## **METODOLOGI**

Bagi memastikan penyelidikan mencapai objektif yang dibentuk, penetapan berkenaan dengan metodologi kajian adalah merupakan suatu elemen yang signifikan supaya pengkaji dapat mengenalpasti serta dapat merancang bentuk penyelidikan dengan jelas. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan.

Kaedah perpustakaan pula akan digunakan dengan melibatkan bahan rujukan dari al-Quran, hadis, kitab-kitab muktabar, penyelidikan lepas, artikel jurnal, kertas kerja persidangan, buku-buku kontemporari, jurnal, latihan ilmunan dan sebagainya untuk dijadikan sebagai rujukan. Metod ini akan diaplikasikan dalam bab kajian lepas untuk melihat kajian tentang pendidikan Mualaf. Melalui kaedah itu, pengkaji telah memilih beberapa perpustakaan sebagai tempat rujukan untuk mendapatkan sumber maklumat berkaitan dengan pembangunan Mualaf.

Reka bentuk kajian berdasarkan kepada analisis dokumen. Metod pendokumentasian ini dijalankan oleh pengkaji adalah untuk memudahkan proses pengumpulan data melalui pembacaan yang mempunyai hubungan dengan fokus kajian. Metod ini akan diaplikasikan dalam bab kajian lepas untuk melihat kajian tentang pendidikan Mualaf. Di dalam metod dokumentasi ini, pengkaji telah meneliti dan menganalisis dokumen yang berkaitan dengan pengurusan dan pendidikan Mualaf di Malaysia. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan kaedah temubual untuk mendapatkan info dan maklumat bagi melengkapkan pengumpulan data untuk dianalisa.

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih temubual untuk digunakan sebagai instrumen kajian. Melalui metod ini, pengkaji membuat temubual yang lebih berstruktur kepada pihak yang berautoriti dalam kajian ini iaitu bersama pihak Baitus Salam, pakar Mualaf, dan Lembaga Zakat Selangor.

NAMA	JAWATAN	TARIKH & WAKTU	TEMPAT
En. Md Yusmizan Bin Yusoff,	Ketua Jabatan Pengurusan Institusi	18 Januari 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam.
En. Abdul Malik Bin Awang Besar	Pengurus Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam	18 Januari 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam
En. Mohd Azwan Bin Shamsuri	Eksekutif Pembangunan Insan LZS	18 Januari 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam
En. Mohd Danial Bin Abdullah	Warden Pembimbing	22 Julai 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam
Ustazah Aisyah Abdullah	Warden Pembimbing	22 Julai 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam
En. Zulkarnain Bin Mohd Saleh	Warden Pembimbing	22 Julai 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam
En. Vincent choo bin choo hock eng	Warden Pembimbing	22 Julai 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam
En. Azmil Firdaus Bin Edward Radin	Warden Pembimbing	22 Julai 2020	Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam
En. Yaakob alwi	Warden Pembimbing	3 September 2020	Masjid Diraja Sultan Suleiman
En. Yusof Ismail	Guru Pembimbing	27 Oktober 2020	Warong Suzana Pak Ali Klang
En. Mohd Yusoff Abu Hassan	Guru Pembimbing	3 September 2020	Institut Taufiq Islami Klang

Jadual 1.1: Temu bual bersama Pihak Pengurusan Baitus Salam dan Pakar Penyelidikan Mualaf

## SOROTAN KAJIAN

Jumlah pemeluk Mualaf kian bertambah sepanjang tahun. Berdasarkan statistik yang diperolehi dari bahagian Dakwah, Cawangan Kefahaman Islam JAKIM menunjukkan peningkatan golongan Mualaf yang memeluk agama Islam meningkat dianggarkan 10 ribu orang setiap tahun. Mualaf memerlukan bimbingan dan dorongan daripada aspek yang pelbagai seperti pelaksanaan ibadah, akidah dan pembacaan al-Quran.

Antara aspek lain yang perlu diberikan kepada mereka juga adalah keperluan identiti, pendidikan dan bimbingan agama, kewangan dan kebajikan, dakwah dan kaunseling serta perundangan. Aspek keperluan tersebut yang terancang berupaya untuk

memelihara serta memantapkan pegangan agama, kepercayaan dan keyakinan saudara baru terhadap agama Islam. Berdasarkan kajian Noor Amani Mohamed Hussin (2011), menjelaskan bahawa terdapat institusi yang masih tidak mengemaskini jumlah kemasukan Mualaf kerana terdapat beberapa faktor iaitu disebabkan penstrukturan semula pengislaman Mualaf.

Jadual di bawah menunjukkan statistik kemasukan Islam dari tahun 2010 sehingga 2018. Hasil analisis mendapati negeri Sabah, Sarawak dan Selangor merupakan negeri yang tertinggi jumlah pemeluk Mualaf diikuti dengan beberapa buah negeri lain.

Jadual **Error! No text of specified style in document..1**: Statistik Kemasukan Islam Tahun 2010-2018

Negeri/Tahun	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah
Perlis	61	55	61	50	59	52	52	52	33	460
Kedah	258	235	250	167	193	193	176	209	190	1876
P. Pinang	249	274	369	302	290	200	329	341	269	2623
Perak	548	625	614	550	528	530	492	520	416	4823
Selangor	1625	1484	1567	2111	2493	2187	1813	1700	1728	16708
K. Lumpur	1116	951	1041	877	654	654	641	681	656	7271
N. Sembilan	279	288	305	311	344	225	293	265	233	2543
Melaka	204	204	234	259	207	185	191	187	162	1833
Johor	964	903	984	923	864	839	811	755	754	7797
Pahang	604	732	598	843	849	408	529	529	532	5624
Terengganu	123	122	81	139	69	68	74	74	58	808
Sarawak	1325	1471	1812	1731	1674	1534	1488	1454	1254	13743
Sabah	2755	2549	2577	2312	2310	1890	2003	2045	1805	20246
W. P. Labuan	124	139	154	121	162	174	136	114	89	1213
Kelantan	369	464	379	366	337	235	413	267	263	3093
Putrajaya	36	37	41	41	28	26	25	24	42	300
Jumlah	10,640	10,533	11,067	11,103	11,055	9407	9466	9217	8342	90961

Sumber: Statistik Kemasukan Islam Tahun 2010-2018, Laporan Bahagian Dakwah, JAKIM

Pendidikan merupakan keperluan asas bagi pembangunan tamadun manusia dan perkembangan tamadun ini berkait rapat dengan pendidikan agama (Asmawati Suhid et al., 2021). Oleh itu, kaedah pembelajaran juga perlu divariasikan selaras dengan perkembangan pendidikan abad ke-21 bagi menghasilkan kelas yang interaktif dan bersesuaian mengikut tahap pengetahuan dan pemahaman Mualaf (Marlon Puntino et al., 2019) demi membentuk individu Mualaf yang berkeyakinan tinggi dan berpotensi menyebarkan dakwah Islam.

Seterusnya kajian Syarul Azman Shahrudin et. al (2018) di dalam bertajuk Tahap Kefahaman Akidah dalam kalangan Mualaf di negeri Selangor mendapati kefahaman para Mualaf masih berada di tahap yang lemah. Kajian berkenaan tahap pendidikan akidah mendapat perhatian di kalangan penyelidik. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kelompongan dari segi pembangunan modul pengajian Mualaf. Oleh itu, pihak berwajib perlu memainkan peranan dalam meningkatkan kefahaman Mualaf terhadap agama Islam sebagai satu keperluan yang mendesak.

Suhid et al. (2019) menyatakan bahawa “pendidikan seharusnya bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan dan perpaduan negara, dan penghasilan sumber manusia, tetapi juga pembangunan individu sebagai insan yang holistik dan seimbang, dari segi keupayaan jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosialnya”. Dalam proses pembentukan ini, pendidikan secara individu atau bimbingan dilihat sebagai satu inisiatif pendidikan yang penting untuk memberikan sokongan moral dan membina hubungan yang lebih dekat antara guru dan Mualaf. Tenaga pengajar atau pembimbing memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej dan memberikan teladan yang baik kepada golongan Mualaf.

Salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam membentuk individu Muallaf yang mantap adalah melalui kaedah pembimbing. Dalam kajian ini, satu sorotan berkaitan konsep pembimbing, kepentingan dan keberkesanan serta pendidikan semasa akan dibincangkan dalam subtopik seterusnya.

### **PEMERKASAAN PENDIDIKAN MUALAF SECARA KOMPREHENSIF**

Golongan Muallaf ini wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan. Nur A'thiroh Masya'il Tan (2005) dan Mawaddah et. al (2019) berpendapat bahawa agihan zakat kepada asnaf Muallaf merupakan suatu mekanisme penting bagi memotivasikan serta menguatkan pegangan aqidah Islamiyah yang baru dianuti serta menjadikan mereka rasa dihargai dan prihatin. Dengan pemberian zakat juga mampu mendorong untuk mengembalikan keyakinan terhadap Islam hasil daripada keprihatinan yang diberikan oleh umat Islam yang lain kepadanya.

Selain daripada agihan secara langsung kepada Muallaf, peruntukan zakat juga boleh dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan jasmani, emosi, rohani dan intelektual para Muallaf melalui pembangunan kurikulum pendidikan yang komprehensif dan bersepadu. Kurikulum pendidikan yang terancang khusus bagi golongan asnaf Muallaf melalui perlaksanaan inisiatif bimbingan dan pemantapan akidah, berupaya untuk memelihara serta memantapkan lagi pegangan akidah mereka.


Selain dari aspek ilmu asas fardhu ain, kurikulum pendidikan Muallaf termasuk metod pengajaran dan pembelajaran juga perlu menyasarkan aspek sokongan sosio-ekonomi bagi bagi meredakan tekanan emosi, ekonomi dan kehidupan asnaf Muallaf dan mempersiapkan mereka bagi menghadapi sebarang kemungkinan apa jua cabaran pasca syahadah.

Negeri Selangor merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai silibus mengikut peringkat dan mempunyai buku teks yang diterjemahkan ke dalam pelbagai Bahasa. Kini terdapat empat buah negeri yang mempunyai modul silibus Muallaf antaranya Selangor, Melaka, Johor dan Wilayah Persekutuan. Manakala tiga buah negeri kini sedang membangunkan silibus iaitu Pulau Pinang, Pahang dan Perlis. Bagi negeri yang tiada silibus, ia adalah terpulang kepada guru atau mereka memilih buku-buku tertentu sebagai bahan pengajaran (Kajian Perbandingan Pelaksanaan Kelas Fardhu Ain (KFAM) Malaysia LZS, 2020).

### **MODUL BERSEPADU PENDIDIKAN MUALAF SELANGOR**

Modul bersepadu yang dibangunkan oleh Institut Kajian Zakat Malaysia (UiTM) adalah merangkumi 4 modul. Antaranya ialah Modul Pembangunan Ilmu, Pengurusan Diri, Kepimpinan dan Kemahiran kerjaya. Walaupun BS adalah pusat perlindungan, namun aspek pembangunan ilmu diberi penekanan sebanyak 60%, pengurusan diri 20%, kepimpinan dan kemahiran kerjaya 10%.


Ia menunjukkan iltizam Divisyen Pembangunan Asnaf selaku pemacu yang telah diamanahkan untuk membangunkan asnaf secara strategik dan tersusun berdasarkan halatuju dan Pelan Pembangunan Pendidikan Muallaf negeri Selangor 2017. Pendidikan bermodul yang digariskan dalam pelan tersebut sebagai asas Muallaf selama 5 tahun dengan menamatkan 5 modul KFAM. Justeru, modul bersepadu BS adalah kesinambungan daripada pendidikan bermodul yang disarankan dalam Pelan Pendidikan Muallaf untuk menjadi seorang mukallaf.



Rajah 1: Modul Bersepadu BS

Ini selaras dengan Misi Pelan Pendidikan Mualaf di Negeri Selangor iaitu untuk membangunkan Mualaf melalui sistem pendidikan yang inovatif, interaktif, infomatif dan bersepadu dengan penambahbaikan berterusan serta memastikan sistem sokongan Mualaf ditadbir urus dengan efisien dalam tempoh 5 tahun.

Modul ini secara umumnya melengkapkan modul sedia ada di Baitus Salam yang memenuhi fardhu Ain sebanyak 60% melalui modul pembangunan Ilmu dan Fardhu Kifayah 40% melalui melalui modul pengurusan diri, kepimpinan dan kemahiran kerjaya. Semua modul ini menerapkan elemen jasmani, emosi intelek, rohani dan sosial. Modul bersepadu ini memenuhi aspirasi Pelan Pembangunan pendidikan Mualaf LZS yang akan memberikan penekanan yang seimbang kepada teori dan amali. Ia selaras dengan skop pembangunan asnaf Mualaf di Selangor yang menekankan konsep kerohanian, keusahawanan dan kerjaya & kemahiran.



Rajah 2: Penerapan Nilai Jasmani, Emosi Intelek, Rohani Dan Sosial

Modul yang dibangunkan ini dilengkapi dengan kaedah penilaian dan pentaksiran berterusan bagi menilai tahap keberkesanan, kefahaman dan penambahbaikan penghuni Baitus Salam dalam tempoh 6 bulan sepanjang tempoh berada di pusat Perlindungan Baitus Salam. Kaedah penilaian dan pentaksiran yang dilaksanakan melalui e-pentaksiran dan penilaian akan memudahkan para guru dan pembimbing untuk mengetahui keberkesanan dan peningkatan tahap pengetahuan serta penghayatan di kalangan warga Baitus Salam.

Modul pembangunan ilmu menekankan konsep penarafan berdasarkan penguasaan ilmu di setiap peringkat selama 6 bulan dan setiap modul mempunyai sistem penilaian dan penarafan tersendiri kepada setiap peserta Mualaf. Melalui e-pentaksiran dan penilaian yang disediakan akan menghasilkan kad laporan pelajar yang sistematik dan profiling setiap asnaf bagi setiap peringkat modul yang dijalankan di Baitus Salam.

Bil	Komponen	Sub-Komponen	Pentaksiran	Ujian Bertulis	Markah	Wajaran
1	Pembangunan ilmu	6 Subjek	60%	40%	100%	60%
2	Pengurusan diri	3 Sub-komponen	100%	-	100%	20%
3	Kepimpinan	3 Sub-komponen	100%	-	100%	10%
4	Kemahiran kerjaya	3 Sub-komponen	100%	-	100%	10%

Jadual 2: Peratus Penilaian &amp; Pentaksiran Setiap Modul

Keberhasilan modul bersepadu ini akan mendokong usaha untuk menjadikan LZS sebagai sebuah organisasi yang menjadi model kepada pembangunan Muaf di Malaysia yang lebih sistematik, strategik dan profesional. Selain daripada 4 modul yang dibangunkan secara khusus ini, beberapa aspek lain juga akan dilaksanakan seperti kaunseling, kenegaraan, isu-isu semasa dan lain-lain mengikut keperluan semasa melalui program secara berkala. Pemerksaan Muaf dengan pelbagai ilmu dan kemahiran ini akan membantu mempertingkatkan imej dan kewibawaan LZS sebagai sebuah institusi pengurusan Muaf yang disegani.

### Asas Utama Pembangunan Modul



Kepentingan memiliki keseimbangan antara IQ (Kecerdasan fikiran), EQ (Kecerdasan Emosi) dan SQ (Kecerdasan Spiritual) untuk kecemerlangan diri.

Meningkatkan kekuatan spiritual melalui aktiviti pemurnian rohani dan jasmani sebagai landasan hidup untuk melahirkan insan yang cemerlang dunia dan akhirat.

Memantapkan semangat daya tahan dan meningkatkan motivasi di kalangan peserta mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup.

Menyediakan program kepada peserta menceburi bidang kemahiran dan keusahawanan untuk membina kerjaya dalam bidang yang bakal diceburi.


Rajah 3: Modul Pembangunan Ilmu BS

### MODUL PENDIDIKAN ILMU

Modul Pembangunan ilmu BS mempunyai 6 subjek utama iaitu Tauhid, Fiqh, Akhlak, Sirah, Hadis dan Tafsir. Modul-modul ini dilengkapi dengan Maklumat Kursus secara terperinci dan Pelan Kursus yang komprehensif bagi memudahkan para guru dan warden pembimbing mengajar berdasarkan tajuk setiap minggu dalam tempoh selama 6 bulan. Tiga (3) bulan pertama adalah modul asas dan tiga (3) bulan seterusnya adalah modul lanjutan.


Para guru dan warden pembimbing dibekalkan dengan nota pengajaran dan setiap mereka akan mengikuti Training of Trainee (TOT) sebelum mereka berhadapan dengan

para penghuni yang mempunyai pelbagai latar belakang pendidikan, umur, bangsa, bahasa dan tahap pendidikan. Dengan memiliki Sijil P&P ini melayakkan mereka untuk menjadi tenaga pengajar Mualaf yang bertauliah.



Rajah 4: Modul Pembangunan Ilmu BS

Modul Pembangunan ilmu BS ini dibina dengan merujuk kepada pelbagai modul Mualaf dan modul pendidikan agama di Malaysia agar ia sejajar dengan standard pendidikan agama yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Modul ini memenuhi aspirasi untuk membangunkan Akidah, Akhlak dan Syariah di kalangan Mualaf BS. Kurikulum BS merangkumi 3 aspek utama:



Rajah 5: Kurikulum Pendidikan Mualaf BS

Modul Pembangunan ilmu ini mampu membantu para guru dan warden pembimbing yang selama ini tidak mempunyai modul yang lengkap dan tersusun dalam semua subjek yang diajar. Kandungan bagi setiap subjek dan tahap kemampuan penerimaan pelajar diserahkan sepenuhnya kepada kebijaksanaan para guru dan ini menimbulkan kesulitan dan merencatkan pembelajaran dan pengajaran penghuni Baitus Salam.


Sebahagian subjek seperti Fiqh dan Tauhid para guru sebelum ini menggunakan modul KFAM yang kurang sesuai dilaksanakan di Baitus Salam berdasarkan kepada tempoh

dan kemampuan para penghuni. Pusat Perlindungan Baitus Salam perlu mempunyai modul dan silibus yang khusus secara tersusun dan sistematik yang boleh digunapakai oleh para guru dan warden pembimbing di BS. Susunan modul ini juga diselaraskan dengan tempoh penempatan peserta Mualaf iaitu 6 bulan. Tiga bulan pertama adalah pengajian asas dan 3 bulan seterusnya adalah proses pengajian lanjutan.

Justeru, melalui Maklumat Kursus yang lengkap, Pelan Kursus yang komprehensif serta disediakan dengan nota bagi setiap subjek berdasarkan bab dan mingguan akan menjadi garis panduan kepada guru untuk membimbing para Mualaf terutama di peringkat asas. Penekanan sebanyak 60% kepada aspek pembangunan ilmu adalah sangat relevan dengan keperluan para Mualaf di Baitus Salam. Enam subjek yang dibangunkan secara bermodul ini adalah perkara asas yang meliputi aspek fardhu Ain.

Walaupun Baitus Salam bukanlah pusat pendidikan sepenuhnya, namun sebagai Pusat Perlindungan Mualaf perlu didedahkan dengan ilmu pengetahuan asas secara tersusun dan sistematik agar apabila mereka keluar daripada Baitus Salam mereka boleh berdikari dan mampu untuk mendidik diri mereka sendiri sebelum melangkah jauh menjadi daie.


### Objektif Modul Pembangunan Ilmu BS



Rajah 6 : Objektif Pendidikan Baitus Salam

### Keberhasilan Peserta BS

Modul pembangunan ilmu BS akan melahirkan penghuni yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mantap, memiliki akhlak mulia, tingkahlaku, set minda dan adab untuk membimbing diri sendiri dan orang lain. Di samping dapat membina jatidiri Islam yang menyerlah, bersedia dan sanggup berkorban demi agama, keluarga, masyarakat dan negara.



Rajah 7: Keberhasilan Peserta Mualaf BS

## **KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN MUALAF DI MALAYSIA**

Golongan Muallaf merupakan saudara muslim yang dijinakkan hatinya untuk menerima Islam. Kebiasaannya, pada peringkat awal mereka menghadapi cabaran dari segi psikologi dalam proses memeluk agama Islam. Justeru itu, cabaran psikologi ini perlu difahami oleh masyarakat khususnya golongan pendakwah dan pihak tenaga pengajar agar mereka sebagai Muallaf tidak merasa terasing dengan agama Islam. Kefahaman dari segi Fiqh dan Tauhid perlu diberi penekanan supaya golongan ini tidak tersasar dengan syariat Islam. Tujuan pelaksanaan kelas bimbingan adalah untuk memberi kefahaman Islam sebagai satu jalan kehidupan agar golongan Muallaf tidak ketinggalan dalam bidang keilmuan Islam (Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2013).

Terdapat beberapa kaedah atau teknik penyampaian yang dilaksanakan oleh guru pembimbing dan warden pembimbing antaranya:

### **Mentor Mentee**

Bagi meningkatkan kemahiran komunikasi di Baitus Salam, pihak pengurusan telah menjalankan program Mentor Mentee. Pihak pengurusan membahagikan kumpulan mengikut mentor yang sama bangsa bagi memudahkan mereka berkomunikasi. Melalui program mentor mentee dakwah komunikasi sesama bangsa dan bahasa membolehkan penyampaian ilmu pengetahuan lebih tepat tanpa sebarang keraguan. Ianya merupakan program untuk mewujudkan interaksi antara pembimbing dan penghuni BS (Temubual: En. Azwan Bin Shamsuri, Eksekutif Pembangunan Insan LZS, 18 Januari 2020). Mentor bertanggungjawab ke atas menteenya untuk membimbing, memberi galakan serta memberi sokongan samada dalam aspek psikologi dan memperkukuhkan akidah Islamiah.

Di samping itu, program ini dijalankan adalah untuk mengeratkan ukhawah kekeluargaan serta saling menghormati antara satu sama lain. Mentor atau dikenali juga sebagai pembimbing atau penasihat kepada seseorang (Kamus Dewan, 2020). Berdasarkan Modul Latihan Abdul Razak Alias (2015) juga telah menjelaskan berkenaan dengan penulisan coaching dan mentoring dalam Pendidikan.

Penulisan ini telah menjelaskan modul berkenaan dengan konsep, peranan, proses serta langkah-langkah mentoring dan coaching yang berkesan. Antara kaedah yang ditekankan dalam aspek mentoring ini adalah peranan pembimbing yang memberi manfaat kepada orang bawahan dengan menggalakkan komunikasi dan maklumbalas antara ahli pasukan. Komunikasi merupakan satu aspek yang penting dan perlu ditekankan dalam pembentukan sesebuah organisasi.

### **Lawatan**

Pembelajaran berbentuk lawatan lapangan dilaksanakan oleh pihak pengurusan di BS. Pembelajaran ini dilaksanakan bagi menarik minat serta mengelakkan pelajar merasa bosan dengan pengajaran secara formal di dalam kelas (Temubual: En. Md Yusmizan Bin Yusoff, Ketua Jabatan Pengurusan Institusi, 18 Januari 2020).

Menurut Muhammad Jais Mariappan Abdullah merupakan individu Muallaf sendiri berpendapat "Program lawatan sambil belajar banyak memberi manfaat kepada pelajar-pelajar kelas terutamanya golongan muallaf yang sebelum ini hanya mempelajari ilmu-ilmu agama Islam dalam suasana kelas sahaja" (2019).

### **Kelas Bimbingan Warden**

Guru pembimbing dan warden merupakan individu yang terdekat dengan Muallaf. Kelas Bimbingan warden yang terdiri daripada kakitangan BS dijalankan pada sesi petang. Antara pengisian yang dijalankan oleh warden pembimbing adalah pemantapan agama dalam aspek pratikal dan amali penghuni Muallaf. Selain itu, warden pembimbing juga bertanggungjawab dalam memantau pengurusan dan sahsiah penghuni BS sepanjang mereka tinggal di BS (Temubual: En. Abdul Malik, Pengurus Pusat Perlindungan Muallaf Baitus Salam, 18 Januari 2020).

Justeru, berdasarkan kepada perbezaan yang terdapat dalam kalangan golongan Mualaf ini, bimbingan individu dilihat satu cara inisiatif yang lebih berkesan demi memantapkan lagi pengajaran dan pendidikan serta keberhasilan pembentukan individu Mualaf menjadi muslim sejati. Bimbingan secara individu ini juga akan memberikan sokongan moral, nasihat berkala, sesi perkongsian dan masalah secara berkala.

Hubungan baik antara guru pembimbing dan Mualaf akan menjadikan mereka rapat untuk berkongsi rasa, fikrah dan kekhawatiran dalam kehidupan seharian. Saringan juga perlu dilakukan bagi mengenalpasti dan menetapkan Mualaf mengikut tahap dan kumpulan serta memastikan penguasaan Mualaf terhadap pendidikan agama semakin baik. Menurut Samsul bin Shamsuddin (2019), proses itu telah dibincangkan di peringkat LZS dan akan dilaksanakan.

### **Metod Kisah dan Ibrah**

Hasil pemerhatian pengkaji mendapati bahawa majoriti tenaga pengajar adalah terdiri daripada golongan Mualaf yang telah tamat pengajian di pusat latihan Mualaf. Mereka sendiri sebagai Mualaf yang telah lama memeluk agama islam mempunyai pengalaman mereka sendiri sebagai Mualaf dan menjadi contoh kepada Mualaf yang baru. Tenaga pengajar ini menggunakan metod kisah dan ibrah dalam pengajaran.

Hasil temubual bersama tenaga pengajar turut menjelaskan bahawa bahawa pengajaran berbentuk kisah dan ibrah dalam kalangan pelajar Mualaf merupakan kaedah yang menarik minat agar sistem pembelajaran yang disampaikan lebih menyeronokkan dan tak membosankan. (Temubual: Ustazah Aisyah Abdullah, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam, 22 Julai 2020 Proses pembelajaran memerlukan kepelbagaian cara penyampaian mengikut kesesuaian matapelajaran.

## **PENAMBAHBAIKAN DALAM PENGURUSAN PENDIDIKAN MUALAF**

### **Tahap Pendidikan Mualaf**

Pendidikan merupakan asas utama dalam pembentukan individu (Aimi Khairunnisa Binti Abdul Karim & Nurliana Suhaini, 2020; Noor Aziera Mohamad Rohana et al., 2017). Ibn Khaldun berpendapat bahawa pendidikan merupakan antara batu loncatan dalam pembentukan jati diri dan ketamadunan manusia. Beliau menjelaskan lagi bahawa, tamadun Islam yang pernah berada di puncak kejayaan dan melahirkan ramai sarjana Islam dalam pelbagai bidang. Lebih-lebih lagi, pendidikan terhadap kalangan saudara baru yang merupakan golongan yang baru berjinak-jinak dengan agama Islam (Azammuddin Zainuddin, 2017). Oleh itu menjadi suatu keperluan kepada Mualaf untuk mendapatkan didikan agama Islam yang secukupnya sebagaimana yang dianjurkan dalam Islam dan memerlukan kepada perancangan yang konkrit.

Berdasarkan kepada latarbelakang pendidikan warga penghuni Baitus Salam mendapati ada di kalangan mereka yang tidak mampu untuk membaca dan menulis. (Temubual: En. Zulkarnain Bin Mohd Saleh, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam, 22 Julai 2020) Ini bermakna tahap pendidikan mereka agak rendah yang turut membantu menyukarkan lagi usaha untuk membangunkan pendidikan dan menambahbaik pengetahuan agama Islam di kalangan mereka.

Justeru, bagi membantu meningkat tahap kefahaman dan bimbingan kepada Mualaf, metod pengajian dan pengajaran di Baitus Salam bukan sahaja di kalangan pembimbing, malah warden juga turut menjadi pembimbing di luar waktu pengajian. Hubungan yang baik dan layanan yang mesra serta keprihatinan oleh guru pembimbing terhadap penghuni Baitus Salam menyebabkan kalangan Mualaf cukup berpuashati dan disantuni.

### **Keperluan Silibus Dan Kurikulum Yang Khusus Dan Sistematis**

Walaupun para pembimbing diberikan jadual pengajian berkaitan tauhid, fiqh, hadis dan sebagainya, namun silibus dan kurikulum yang sistematis masih belum diwujudkan dan sangat bergantung kepada kebijaksanaan para pembimbing. Para pembimbing dibekalkan dengan buku KFAM yang tidak menjurus kepada keperluan pengajian di Baitus Salam.

Justeru itu, merupakan suatu keperluan kepada pembangunan modul Pendidikan Mualaf. Hasil daripada penyediaan modul yang dibangunkan dapat memberikan sokongan dan kekuatan kepada para Mualaf. Kandungan modul yang disediakan agak seimbang kerana tidak tertumpu kepada teori semata-mata.

Kajian yang dilakukan oleh Wan Fuziah (1992), pelajar tidak dapat memahami dengan baik sesuatu mata pelajaran kerana terlalu banyak perkara yang dipelajari dalam sesi pembelajaran. Malah terdapat keadaan mereka tidak membezakan antara keutamaan sesuatu mata pelajaran. Ain Natasha Omar et. al. (2017) telah membuat kajian berkaitan penerimaan Mualaf terhadap pelaksanaan pengajaran di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP) mendapati tahap penerimaan Mualaf terhadap modul pengajaran yang sedia ada di IDIP mencatatkan nilai kefahaman yang rendah.

Justeru, pihak berwajib perlu merancang program pendidikan yang lebih sistematik dan juga menyelaras modul pendidikan untuk golongan Mualaf sesuai dengan keperluan dan kehendak mereka (Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et al., 2017). Pelan Strategik Pendidikan Mualaf peringkat kebangsaan perlu diwujudkan sejajar dengan kemajuan pembangunan pendidikan Malaysia yang memasuki era revolusi industri 5.0.

### **Penguasaan Bahasa Melayu**

Institut pendidikan Mualaf sebahagian besarnya menerima kemasukan pelajar dari pelbagai peringkat umur, bangsa dan etnik. Hal ini menyebabkan berlaku masalah tahap pemahaman yang berbagai yang mana terdapat penghuni berbangsa Cina, dan India tidak fasih berbahasa Melayu. Malahan terdapat juga, penghuni yang tidak mendapat didikan awal yang sempurna dan tahap penerimaan mereka berbeza memandangkan latar belakang mereka berbeza (Temubual: En. Azmil Firdaus Bin Edward Radin, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam, 22 Julai 2020).

Terdapat beberapa kajian yang berkaitan dengan aspek metod pengajaran dan pembelajaran telah dilaksanakan oleh beberapa pengkaji. Menurut kajian Noor Amani Mohamed Hussin et. al., (2011) yang bertajuk pemantapan modul latihan kepada tenaga pengajar: kajian kes kepada saudara baru telah membincangkan berkaitan dengan pelaksanaan modul pengajaran tenaga pengajar. Tenaga pengajar merupakan golongan yang memainkan peranan yang signifikan dalam menyampaikan mesej Islam kepada golongan Mualaf.

Berdasarkan kajian ini menyatakan bahawa penguasaan bahasa merupakan aspek yang penting dalam meningkatkan kefahaman pelajar Mualaf. Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam terdiri daripada pelbagai bangsa dan etnik yang berbeza. Aspek bahasa merupakan suatu masalah dalam kalangan Mualaf terutama yang terdiri daripada bukan jati. Terdapat komentar dari kalangan penghuni Baitus Salam bahawa bahasa penyampaian juga menjadi penghalang kepada mereka untuk lebih cepat memahami setiap mata pelajaran yang diajar. Keadaan ini menimbulkan kesulitan kepada tenaga pengajar yang menggunakan medium Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran dan pendidikan.

### **Kursus Latihan (Trainee of Trainer) Kepada Tenaga Pengajar Dan Warden Pembimbing**

Sebahagian besar warden pembimbing di Baitus Salam adalah terdiri daripada Mualaf yang telah menamatkan pengajian di Institusi Mualaf dan dalam kalangan muda. Kepakaran yang mereka miliki adalah terbatas dan mereka juga tidak pernah mendapat kursus atau bengkel yang berkaitan dengan garis panduan pengajaran dan pembelajaran Mualaf. Mualaf merupakan golongan yang perlu diberi perhatian yang lebih.

Justeru itu, guru juga perlu diberikan garis panduan dan kursus pembelajaran dan pengajaran supaya mereka dapat mengajar mengikut tahap pemahaman pelajar bagi mengelakkan pelajar lama merasa bosan dengan sesi pembelajaran. Tenaga pengajar tidak digalakkan untuk mengajar ilmu agama yang terlalu tinggi sehingga menyukarkan kefahaman dan minat saudara baru untuk mendalami ilmu agama (Mohd Zuhaili Kamal

Basir et. al. 2020).

Pengajaran kepada Muallaf memerlukan teknik atau kaedah penyampaian yang khusus. Oleh itu, pihak pengurusan hendaklah mencari inisiatif yang efektif supaya dapat melahirkan tenaga pengajar yang mampu melatih Muallaf ke arah yang lebih teratur. Kemahiran P & P guru dan pembimbing sangat penting atau dikenali sebagai guru pakar Muallaf.

### **Tempoh Pengajian Dan Tahap Umur Serta Etnik Dan Kefahaman Yang Berbeza**

Tempoh pengajian di pusat perlindungan Baitus Salam adalah 6 bulan sahaja. Berdasarkan kepada latarbelakang pendidikan Muallaf, tempoh tersebut tidak mencukupi, malah dalam sama yang sama tahap umur dan kefahaman Islam yang berbeza (Temubual: Ustaz Yaakob alwi, Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Muallaf Baitus Salam, 3 September 2020).

Keadaan ini sangat menyukarkan para pembimbing untuk menyeragamkan sistem pengajaran dan pembelajaran di kalangan Muallaf. Justeru keperluan kepada kemahiran bimbingan mentor – mentee dan bimbingan rakan sebaya sangat penting dalam membantu pendidikan Muallaf yang mempunyai latar belakang yang berbeza. Pihak pengurusan perlu membuat penilaian awal semasa pendaftaran pelajar baru Muallaf supaya lebih sistematik dan teratur. Penilaian ini akan menentukan tahap dan kemampuan pelajar untuk ditempatkan di dalam kelas asas, pertengahan dan lanjutan.

### **PENUTUP**

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa masih belum wujud lagi satu modul pengajian Muallaf yang komprehensif meliputi semua aspek fardhu ain dan fardhu kifayah, bukan setakat memberi pendidikan agama Islam sahaja malahan memberi pendidikan terhadap seluruh aspek kehidupan seharian seorang Muslim yang sempurna.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan lebih ramai pengkaji-pengkaji untuk memberi fokus dalam bidang Muallaf. Di samping itu, pemantapan modul pengajaran dan pembelajaran kepada Muallaf perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa supaya proses pembelajaran dan dakwah kepada Muallaf bersifat efektif dan komprehensif. Peningkatan tahap kualiti perkhidmatan terhadap tenaga pengajar dan pendakwah ini dapat menarik minat lebih ramai orang bukan Islam bersama-sama kembali ke agama fitrah ini.

### **PENGHARGAAN**

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan dengan tajuk “Transformasi Sistem Pendidikan Muallaf Bersepadu Pasca Syahadah di Malaysia”; Kod penyelidikan: 600-RMC/GPK 5/3 (125/2020).

### **RUJUKAN**

- Abdul Razak Alias. 2015. *Modul Latihan Coaching dan Mentoring Dalam Pendidikan*. Penerbit Institut Aminuddin Baki. <http://files.sipsispointian.webnode.com/200001816-4e38c4f365/03A%20COACHING%20EDITED%2002.pdf>
- Azman Che Mat, Azarudin Awang, Ruhaizah Abdul Ghani & Razali Musa. 2019. *Beberapa Istilah Terjemahan “Saudara Baru”: Satu Analisis Komponen Makna*. Dalam Memperkasakan Potensi Muallaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Kajian Perbandingan Pelaksanaan Kelas Fardhu Ain (KFAM) Malaysia LZS. 2020. Divisyen Pembangunan Asnaf, Lembaga Zakat Selangor.
- Mawaddah Mohamad Mokhtar & Nur A’thiroh Masya’il Tan Abdullah. 2019. *Pendekatan Pendakwah Muallaf Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) kepada Muallaf di Ranau, Sabah melalui Dakwah Al-Hikmah*. Dalam Potensi Muallaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari (Suntingan Adibah Abd Wahab, Mohd Afandi Mat Rani dan Mohd Izzat

- Amsyar Mohd Arif). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Zuhaili Kamal Basir, Mohd Shafik Mohd Samsi, Norizuandi Ibrahim & Nur Athiroh Masyaail Tan Abdullah. 2019. *Cabaran dan Pendekatan Dakwah Saudara Muslim dalam Kalangan Pendakwah Harkah Islamiah (HIKMAH): Kajian Kes di Mukah Sarawak*. Dalam Potensi Mualaf Mendepani Cabaran Era Kontemporari (Suntingan Adibah Abd Wahab, Mohd Afandi Mat Rani dan Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.
- Nurayuni Adibah Abdullah, Mariam Abd. Majid, Noraini Mohamad & Suhailiza Md. Hamdani. 2019. *Persepsi Mualaf Terhadap Modul Pengajaran Kelas Fardhu Ain Mualaf (KFAM) Daerah Hulu Langat, Selangor*. Dalam Memperkasakan Potensi Mualaf Era Kontemporari (Suntingan Azri Bhari, Muhammad Mahyuddin Khalid dan Mohd Ashrof Zaki Yaakob). Shah Alam: Institut Kajian Zakat (IKAZ), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA.

### Jurnal

- Abdul Ghafar Hj. Don, Anuar bin Puteh & Razaleigh Muhamat@Kawangit. 2017. *Isu Dan Cabaran Dalam Dakwah Saudara Baru*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Jurnal AL-ANWAR, Vol. 8.
- Aimi Khairunnisa Abdul Karim & Nurliana Suhaini. 2020. *Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibnu Khaldun*. Jurnal Tuah, Vol. 1, 41 - 53
- Asmawati Suhid, Fathiyah Mohd Fakhrudin, Noreha Che Abah, Zetty Nurzuliana Rashed, Abd Muhsin Ahmad, & Zeinab Zaremohzzabieh. 2021. *Teacher's Teaching Practices in the Class of Mualaf (New Convert)*. Asian Social Science, 17(11), 83. <https://doi.org/10.5539/ass.v17n11p83>.
- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Mariam Binti Abd. Majid, Syarul Azman Bin Shaharuddin, Latifah Bibi Musafar Hameed, Hanis Najwa Shaharuddin, & Nurfida'iy Salahuddin. 2017. *Penilaian Terhadap Kursus Mualaf di Selangor*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol.4 Bil. 2.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2013. *Modul Pendidikan Mualaf: Akhlak Islamiyyah*. Universiti Kebangsaan Malaysia, [https://www.researchgate.net/publication/301894465\\_MOUL\\_PENDIDIKAN\\_MUALAF\\_AKHLAK\\_ISLAMIYYAH](https://www.researchgate.net/publication/301894465_MOUL_PENDIDIKAN_MUALAF_AKHLAK_ISLAMIYYAH)
- Syarul Azman Shaharuddin, Hanis Najwa Shaharuddin, Muhammad Yusuf Marlon Abdullah & Mustafa Kamal Amat Misra. 2018. *Tahap Kefahaman Akidah dalam kalangan Mualaf di Negeri Selangor*. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Vol.5, Bil.1, e-ISSN: 2289-8042.

### Kertas Kerja Persidangan

- Ain Nathasha Omar, Mariam Abd. Majid & Noraini Mohamad. 2017. *Penerimaan Mualaf Terhadap Pelaksanaan Pengajaran di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)*. Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Studies (IRSYAD 2017).
- Azamuddin Zainuddin, Salleh Amat, Noriah Mohd Ishak. 2017. *Kesejahteraan Diri Mualaf: Isu dan Cabaran*. E- Prosiding of 6th Global Summit on Education.
- Marlon Polantino Guleng, Ahmad A'toa' Bin Mokhtar, Mohd Hakim Bin Arshad & Siti Zahidah Binti Mu'al. 2019. *Tahap Pengetahuan Dan Pemahaman Terhadap Islam Dalam Kalangan Saudara Baru Etnik Iban di Sarawak*. International Conference on Mualaf (ICoM).
- Noor Amani Mohamed Hussin, Siti Noor Haliza Abd Zamani & Khadijah Othman. 2011. *Pemantapan Modul Latihan Kepada Tenaga Pengajar: Kajian Kes Kepada Saudara Baru*. Seminar Kebangsaan Peradaban Dan Pemikiran Islam.

Siti Fathimatul Zahrah Yusri & A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah. 2015. *Pengajaran Pendidikan Islam Terhadap Mualaf: Satu Tinjauan Literatur*. Prosiding Seminar Pengurusan Islam: Ke Arah Pemantapan Ummah.

### **Temubual**

- En. Md Yusmizan Bin Yusoff, Ketua Jabatan Pengurusan Institusi. 17 Januari 2020.  
En. Abdul Malik, Pengurus Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 18 Januari 2020.  
En. Mohd Azwan Bin Shamsuri, Eksekutif Pembangunan Insan LZS. 18 Januari 2020.  
En. Mohd Danial Bin Abdullah, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 22 Julai 2020.  
Ustazah Aisyah Abdullah, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 22 Julai 2020.  
En. Zulkarnain Bin Mohd Saleh, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 22 Julai 2020.  
En. Vincent choo bin choo hock eng, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 22 Julai 2020.  
En. Azmil Firdaus Bin Edward Radin, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 22 Julai 2020.  
Ainul Mardhiah Abdullah, Warden Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 22 Julai 2020.  
Ustazah Hasanah Binti Ishar, Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 9 September 2020.  
Ustaz Yaakob alwi, Guru Pembimbing, Pusat Perlindungan Mualaf Baitus Salam. 3 September 2020.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*